KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **2 September 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

南洋商報
NANYANG SIANG PAU

HARI: SELASA
TARIKH: 2/9/2025
M/SURAT: 3

## 方便国人购必需品
# 备7千SARA支付终端机

（关丹31日讯）全国所有MyKasih合作商家已备妥超过7000个专用支付终端机，以处理慈悯基本援助金(SARA)的付款，让2200万大马人方便购买生活必需品。

国内贸易及生活成本部副部长拿督傅芝雅表示，在财政部与MyKasih计划合作商家的合作下，将继续增加这些终端机的数量。

马新社报道，她昨日出席2025年独立昌明社区节闭幕礼后说，她也向财政部请求，将终端机扩展到所有移动慈悯销售点，以便人民在购买基本生活必需品时，享受额外好处。

“我被告知，在沙巴所有的慈悯销售点都已配备慈悯基本援金终端机。”

### 与其他商品分开

首相拿督斯里安华于7月23日宣布，通过大马卡向每位年满18岁的公民一次性发放100令吉，作为慈悯基本援金计划的一部分，根据14种精选产品类别，购买生活必需品。

这项措施惠及2200万人口，拨款为20亿令吉。

傅芝雅建议，希望使用慈悯基本援金消费的用户，将该计划中列出的生活必需品与其他商品分开，以避免在支付过程中出现延误。

“需要将已标记慈悯基本援金特有标志的商品与普通商品分开，以便在柜台付款时，工作人员轻松扫描。”

她还鼓励不打算使用该项目下100令吉援助的受惠者，将其转给有需要的人。

傅芝雅表示，迈丁的目标是提供20万个慈悯基本援金环保箱，分发给合格的接收者，从而确保政府的援助能更广泛地惠及有需要的民众。



傅芝雅（右）在活动上与一众出席者一起挥舞国旗。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# 76 kes barangan tiruan direkod sejak Januari lalu

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 76 kes membabitkan barangan tiruan dengan nilai rampasan RM2.2 juta membabitkan 74,100 unit direkodkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak Januari lalu.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri (KPPN) merangkap Timbalan Pengarah KPDN Kuala Lumpur, Mohd Shahran Mohd Arshad berkata, seramai 14 individu turut ditahan menerusi Ops Jeriji 6.0 sepanjang tahun ini.

"Kesalahan berhubung barangan tiruan disiasat mengikut Akta Cap Dagangan 2019 yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM30,000 bagi setiap barang atau penjara sehingga lima tahun, jika sabit kesalahan.

"Bagi syarikat atau pertubuhan perbadanan pula, denda sehingga RM15,000 bagi setiap barang boleh dikenakan bagi kesalahan pertama, manakala kesalahan kedua atau berikutnya denda boleh mencecah RM30,000 bagi setiap barang.

"Jika orang itu bukan pertubuhan perbadanan akan didenda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap barang diletakkan perihal dagangan palsu atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya," katanya.

Menurutnya, statistik jelas menunjukkan isu barangan tiruan ini serius dan tindakan berterusan akan terus dijalankan di kawasan tumpuan termasuk sekitar Chow Kit.

Beliau berkata, pemantauan dilakukan melalui pasukan risikan sebelum operasi bersama wakil cap dagangan dijalankan di premis yang disyaki.

"Kerjasama daripada wakil pemilik cap dagangan amat penting bagi mengesahkan barangan yang disita adalah tiruan atau sebaliknya.

"Jika wakil cap dagangan tidak memberikan kerjasama, serbuan sukar dilakukan kerana pengesahan perlu dibuat oleh wakil yang dilantik mengikut jenama," katanya.

Mohd Shahran berkata, sekiranya didapati warga asing itu menjual barangan tiruan, siasatan dijalankan mengikut Akta Cap Dagangan 2019 selain semakan status pasport, permit kerja dan lesen perniagaan.

Beliau berkata, jika ada pelanggaran lain, individu terbabit akan diserahkan kepada agensi berkaitan seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk tindakan lanjut.

"Pada masa sama, pengguna juga perlu bijak menilai tawaran barangan berjenama kerana harga terlalu murah biasanya menandakan ia tiruan.

"Kita perlu sedar membeli barangan tiruan bermaksud menyokong peniaga yang mengambil kesempatan ke atas hak pemilik jenama berdaftar," katanya.

Mohd Shahran menegaskan, usaha KPDN adalah bagi melindungi hak pemilik cap dagangan serta memastikan pasaran tempatan kekal sihat.

Beliau berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan penjualan atau penyimpanan barangan tiruan boleh menyalurkan aduan rasmi melalui portal e-aduan.kpdn.gov.my, talian 1-800-886-800, e-mel e-aduan@kpdn.gov.my, aplikasi Ez ADU KPDN, Pusat Arahan Penguatkuasaan atau WhatsApp ke 019-279 4317.

BH BeritaHarian

HARI: SELASA

TARIKH: 2/9/2025

M/SURAT: 17



# Syor subsidi beras putih tempatan diteruskan elak rakyat terbeban

## NACCOL bimbang harga tidak dapat dikawal jika bantuan ditamatkan

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my

**Bukit Gantang:** Subsidi bagi beras putih tempatan (BPT) yang tamat kelmarin masih belum diputuskan oleh kerajaan sama ada akan diteruskan atau sebaliknya.

Ketua Kluster Makanan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, berkata kerajaan menetapkan tempoh enam bulan bermula 1 Mac 2025 hingga 31 Ogos 2025 supaya 24 juta kampit beras putih tempatan (BPT) bersubsidi 10 kilogram (empat juta kampit sebulan) dapat dijual secara berperingkat di pasaran.

Susulan penamatan subsidi itu, beliau berkata, pihaknya menyarankan subsidi diteruskan bagi membantu rakyat.

### Nilai semula subsidi

"Kerajaan perlu menilai semula dasar subsidi supaya rakyat tidak terbeban.

"Jika subsidi ini dihapuskan, saya bimbang harga BPT tidak lagi dapat dikawal dan jika diteruskan rakyat masih boleh terima beras ini antara RM26 hingga RM30 sekampit (10 kilogram).

"Sekarang ini pun beras import dari Pakistan cuma RM1,400 satu tan. Jadi, sepatutnya harga BPT bersubsidi itu boleh diteruskan," katanya dalam sidang media selepas program Jualan Murah Datuk Syed Sempena Merdeka ke-68 di sini semalam.

Pada majlis itu, orang ramai ditawarkan dengan BPT pada harga RM20 bagi bungkusan 10 kilogram.



*Syed Abu Hussin Hafiz mengadakan jualan murah sempena merdeka di Pusat Khidmat Parlimen Bukit Gantang, semalam.*

(Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BH)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TELUS & TULUS
Sinar Harian
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 2/9/2025
M/SURAT: 9

# Teruskan subsidi beras tempatan

## Bagi memastikan harga lebih rendah dapat dinikmati rakyat memerlukan

Oleh SAIFULLAH AHMAD
TAIPING



Syed Abu Hussin (tengah) menunjukkan ayam segar yang dijual pada harga RM8 seekor sempena program Jualan Termurah Madani Sempena Kemerdekaan di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bukit Gantang pada Isnin.

Subsidi beras putih tempatan (BPT) perlu diteruskan bagi memastikan harga lebih rendah dapat dinikmati oleh rakyat memerlukan.

Ketua Kluster Makanan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, penamatan subsidi berkenaan bakal memberi kesan terhadap kos sara hidup rakyat.

Menurutnya, jika subsidi tersebut terpaksa kekal dimansuhkan, kementerian berkaitan perlu menurunkan harga beras putih import yang kini semakin murah.

"Apabila subsidi tiada, harga BPT tidak akan stabil dan tidak boleh dijual pada harga RM26 sekilogram melainkan kita turunkan harga beras import.

"Saya boleh bawa masuk beras import dengan harga kos beli di Pakistan hanyalah RM1,400 (untuk satu tan)," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian sempena program Jualan Termurah Madani Sempena Kemerdekaan di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bukit Gantang di sini pada Isnin.

Syed Abu Hussin berkata, mekanisme tersebut boleh dilaksana bagi menggantikan Program Khas Beras Putih Tempatan (BPT) Bersubsidi anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"Banyak kaedah kita boleh buat. Bagi orang pengalaman, macam saya. Saya ada kilang, semua saya ada.

"Sebagai ketua kluster NACCOL, kita tiada punca kuasa itu, cuma memberi nasihat dan pandangan sahaja," kata Ahli Parlimen Bukit Gantang itu.

Pada 30 Ogos, media melaporkan KPKM akan menilai semula mekanisme baharu pembekalan beras putih susulan Program Khas BPT Bersubsidi tamat pada 31 Ogos 2025 bagi memastikan rakyat terus mendapat bekalan mencukupi pada harga berpatutan.

Menurut kenyataan KPKM, penilaian itu turut mengambil kira penyelarasan harga Beras Putih Import (BPI) pada kadar RM2,600 satu tan metrik di pintu gudang Bernas yang berkuat kuasa 15 Mei lepas, serta langkah menangani amalan pencampuran beras di pasaran.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA

TARIKH: 2/9/2025

M/SURAT: 5

# Perarakan Hari Kebangsaan 2025 semarak jiwa patriotik

## Bertemakan 'Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni', edisi ke-68 cerminkan semangat perpaduan nasional yang kukuh



SEGAK: Pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia megah berarak sempena sambutan Hari Kebangsaan 2025 di Dataran Putrajaya, semalam. — Gambar Bernama

**PUTRAJAYA: Semangat Malaysia MADANI terus membara apabila rakyat pelbagai lapisan membanjiri Dataran Putrajaya sempena sambutan Hari Kebangsaan 2025 semalam yang diraikan penuh kemeriahan dan warna-warni.**

Bertemakan 'Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni', edisi ke-68 sambutan itu mencerminkan semangat perpaduan nasional yang kukuh, diserikan dengan pelbagai acara istiadat, persembahan serta perarakan yang memperlihatkan kekuatan rakyat dan negara secara menyeluruh.

Pembuka tirai acara sambutan dimulai dengan ketibaan dif-dif kehormat seawal jam 6.30 pagi dengan kemuncak keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim yang berkenan memandu sendiri kereta Proton Satria Neo berwarna biru dengan no pendaftaram WWW1 bersama Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah, pada jam 8 pagi.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, kedua-dua Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Dato Sri Fadillah Yusof, menteri Kabinet termasuk Menteri Komunikasi Datuk Fahmi Fadzil serta diplomat dan perwakilan asing turut menghadiri sambutan itu.

Acara berprestij itu didahului dengan nyanyian lagu kebangsaan 'Negaraku', diiringi upacara menaikkan Jalur Gemilang, serentak dengan 14 das tembakan kehormatan melambangkan kesatuan 14 negeri, dilepaskan 41 Bateri Rejimen Artileri Diraja yang diketuai Mejar Hafizan Mat Ghani.

Acara diteruskan dengan lafaz ikrar Rukun Negara yang diketuai Leftenan Komander Mohd Firdaus Arbaain, wira penyelamat tragedi bot terbalik di Teluk Batik, Perak, pada 28 Ogos 2023, yang menerima Pingat Jasa Perkasa Persekutuan dikurniakan oleh Seri Paduka Baginda pada 2 Jun lepas.

Penampilan khas Biduanita Negara Datuk Seri Siti Nurhaliza yang menyanyikan lagu tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2025, 'Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni' kemudiannya menggamatkan suasana, dengan ribuan pengunjung turut kelihatan menyanyi bersama-sama.

Usai dendangan lagu yang membawa mesej kesejahteraan rakyat dan perpaduan itu, acara diteruskan dengan perarakan dan perbarisan terdiri daripada 81 kontinjen melibatkan 14,062 peserta, 21 pasukan pancaragam, tujuh kereta berhias, 508 aset darat dan udara, serta 116 ekor haiwan dalam perkhidmatan awam.

Pengisian perbarisan dan perarakan melibatkan enam komponen, iaitu kenegaraan, perarakan rakyat, kesejahteraan, keselamatan negara, persembahan udara, dan persembahan khas MADANI, sambil dimeriahkan dengan persembahan teres grafik manusia dan koir melibatkan 2,000 pelajar daripada 50 sekolah menengah sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Perarakan didahului dengan pancaragam Pusat Latihan Muzik Tentera Darat terdiri daripada seorang pegawai dan 45 anggota lain-lain pangkat pimpinan Leftenan Khairul Anuar Hasan.

Kontinjen pembawa Jalur Gemilang gergasi berukuran 80 x 40 kaki terdiri daripada 120 Pegawai Kadet Universiti Pertahanan Nasional menyusul menyemarakkan semangat patriotisme, diikuti Pancaragam Victoria Institution dan pasukan pembawa bendera negeri dengan penonton turut berdiri mengibarkan bendera kecil masing-masing mangikut rentak muzik.

Terdengar sorakan keterujaan dari setiap sudut dataran apabila komponen perarakan rakyat mula melintasi pentas utama, didahului oleh kontinjen Kepengerusian ASEAN 2025 diselaraskan Kementerian Luar yang mengetengahkan kereta berhias melambangkan perpaduan serantau beserta armada kenderaan elektrik selaras dengan tema 'Keterangkuman dan Kemampanan'.

Menyusul ialah kontinjen Tahun Melawat Malaysia 2026 dengan beca berhias ikon pelancongan negeri serta wilayah, melambangkan komitmen Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya memperkasakan budaya, kesenian, warisan dan kelestarian Malaysia secara berterusan.

Sorakan penonton kian bergema apabila kontinjen Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2025 muncul dalam perarakan selepas menjelajah 88 hentian di seluruh negara dengan deruman motosikal berkuasa tinggi dan kenderaan pacuan empat roda.

Perarakan diteruskan dengan kontinjen ekonomi dan swasta yang disambut tepukan gemuruh pengunjung termasuk apabila trak bergerak interaktif memaparkan mesej 'Merdeka daripada scam' diselaraskan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melalui Dataran Putrajaya.

Keterujaan pengunjung turut terserlah apabila tidak melepaskan peluang merakam setiap detik perarakan termasuk kontinjen penyiaran dan industri kreatif yang turut disertai kontinjen Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) serta maskot popular Didi & Friends, Mechamato, Boboiboy, Papazola, Ejen Ali, Omar dan Hana serta artis tanah air.

Tidak ketinggalan, kontinjen sukan yang menampilkan atlet negara termasuk Grandmaster catur pertama Malaysia Yeoh Li Tian, juara Piala Dunia Para Renang Duran Yaspi Imam Basori serta pemenang pingat emas Sukan SEA Pekak 2025 yang menerima sorakan daripada penonton, mencerminkan penghargaan terhadap sumbangan mereka mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa.

Komponen kesejahteraan menyusul melibatkan anggota perkhidmatan awam termasuk petugas Orang Kurang Upaya daripada 30 kementerian dan jabatan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) dan Jabatan Kimia Malaysia.

Kehadiran unit anjing K9 dan unit berkuda dalam perkhidmatan awam juga mencuri tumpuan orang ramai yang teruja dan terpukau dengan kecomelan dan gelagat haiwan itu, selain kemunculan istimewa kucing 'oyen' APM.

Sorakan semakin bergemuruh apabila perarakan komponen keselamatan negara bersama aset-aset kenderaan melalui Dataran Putrajaya, terutamanya ketika melihat kelibat para wira negara berbadan kekar dan perkasa serta keanggunan wirawati daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pada sambutan itu, ATM juga buat julung-julung kalinya membuat persembahan khas bagpipe yang digabungkan dengan alat muzik high tension drum, tenor drum, bass drum dan drum major sambil menari mengikut rentak lagu-lagu kegemaran Yang di-Pertuan Agong, antaranya Anak Kampung dan Lemak Manis.

Komponen persembahan udara yang sentiasa dinanti-nantikan saban tahun, menerima sorakan gemuruh daripada penonton yang terpesona menyaksikan aksi barisan juruterbang diketuai oleh Panglima Tentera Udara Jeneral Datuk Seri Muhamad Norazlan Aris yang mengemudi pesawat tempur Su-30MKM, mendahului formasi udara yang menampilkan 30 aset udara termasuk F/A-18D Hornet dan Airbus A400M.

Sambutan Hari Kebangsaan 2025 melabuh tirai dengan persembahan "Citra MADANI" yang diserikan dengan tarian tradisional pelbagai kaum di negara ini, melambangkan semangat perpaduan serta keharmonian yang dikecapi Malaysia selama ini.

Sambutan Hari Kebangsaan bukan sahaja terpusat di Putrajaya, malah turut diraikan di seluruh negara dalam pelbagai bentuk acara, menzahirkan semangat patriotik dan perpaduan rakyat Malaysia. — Bernama



MENARIK: Persembahan kebudayaan Citra MADANI oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menonjolkan semangat perpaduan yang utuh dan harmoni dengan penyatuan kaum utama di negara ini. — Gambar Bernama






HEBAT: Kontinjen Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang menyertai perarakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2025 di Dataran Putrajaya, semalam. — Gambar Bernama





TURUT SERTA: Kontinjen Penyiaran yang disertai oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM), Astro, Bernama dan MyTV menyertai perbarisan sempena sambutan Hari Kebangsaan 2025 di Dataran Putrajaya, semalam. — Gambar Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: SELASA
TARIKH: 2/9/2025
M/SURAT: 9

# Dari dapur belakang rumah, 'Adyn' kini miliki kilang sendiri

2030 PERAK SEJAHTERA

**Batu Gajah:** Seorang pengusaha produk minuman berjaya bangkit semula daripada kegagalan perniagaannya sebelum ini hasil bantuan dan bimbingan Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP).

Samsuddin Nazeri, 51, kini bukan hanya menghasilkan produk sendiri berupa minuman berbotol jenama 'Adyn' di bawah syarikat Variety Hub Supplier, malah turut menjadi pembekal produk pengilang peralatan asal (OEM) syarikat lain termasuk rangkaian pasar raya besar termasuk Mydin.

Bermula di dapur belakang rumah dekat Tapah pada 2016 melalui dua varieti produk minuman dan mampu mengeluarkan antara 250 hingga 700 botol sehari, Samsudin menyasarkan pasaran di kawasan selatan Perak khususnya Tapah hingga Tanjung Malim sebelum kejatuhannya.

Bagaimanapun beliau bangkit kembali selepas kejatuhannya dengan pembukaan kilang baharu di Siputeh, dekat sini sekitar empat tahun lalu sehingga kini mampu menghasilkan kira-kira 7,000 botol sehari.

Samsuddin berkata, perniagaan diusahakan pada 2016 rebah apabila peruncit mengamalkan aktiviti ala kartel, selain menanggung kerugian puluhan ribu ringgit apabila syarikat mengambil produk OEM diusahakannya tidak membayar hutang sehingga terpaksa menutup kedai.

Bekas penjawat awam itu berkata, perniagaannya bangkit kembali sekitar empat tahun lalu selepas menerima pinjaman RM20,000 daripada Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga Nasional (TEKUN), disusuli bantuan serta bimbingan STeP selaku pusat rujukan utama dan penyelaras program keusahawanan di bawah kerajaan negeri.

"Berbekalkan pinjaman RM20,000 itu, saya bangkit semula dengan memujuk semula kedai pada awalnya menolak mengambil produk saya disebabkan aktiviti berunsur kartel, selain STeP bantu menambah unit mesin isian air termasuk membimbing saya mendapatkan bantuan daripada agensi lain.

"STeP memperkenalkan saya dengan bantuan Majlis Amanah Rakyat (MARA) serta Jabatan Pertanian, yang mana MARA Perak membantu saya mendapatkan geran halal sehingga memperoleh sijil halal dan mula memasuki pasaran koperasi sekolah serta premis kedai dalam hospital.

"Melalui program anjuran STeP, saya dibantu menyertai pelbagai pameran seperti MATTA Fair. Penyertaan dalam pelbagai acara sebegini membantu saya membina jaringan dengan syarikat besar bagi memasarkan produk OEM saya," katanya kepada *BH*.

Bapa kepada empat anak itu berkata, pihaknya sedang berusaha menembusi pasaran eksport atas dorongan STeP melalui Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) yang akan menampilkan ribuan reruai mewakili puluhan negara selain pameran 'Gate to Global' di bawah bimbingan MARA.

Katanya, kilangnya turut menerima bantuan Jabatan Pertanian bagi pembelian mesin, selain menerima bimbingan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam urusan pemasaran dan latihan eksport.

STeP diletakkan sebagai antara agensi peneraju bagi agenda '1 Keluarga 1 Usahawan dan 1 Daerah 1 Aktiviti Ekonomi' di bawah Program Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat menerusi pelan pembangunan Perak Sejahtera 2030 cetusan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad.



*Samsuddin menunjukkan minuman berbotol di bawah jenama Adyn.*

# RON95 rationalisation details still being ironed out

By GERARD GIMINO
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Amid anticipation over the looming RON95 petrol subsidy rationalisation, petrol dealers say there are still varying stages of preparedness among different oil companies.

Petroleum Dealers Association of Malaysia president Datuk Khairul Annuar Abdul Aziz said active discussions are still being held with the relevant ministries and companies.

"We remain engaged with the authorities and stakeholders to ensure that when the time comes, the interests of dealers and the smoothness of operations are safeguarded," he said when contacted.

Khairul Annuar added that they have yet to receive any direct confirmation from the authorities, be it the Finance Ministry or the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, on the exact implementation date for the petrol rationalisation plan.

On preparations among dealers, Khairul Annuar said he could not comment publicly on specifics due to the sensitivity and ongoing nature of the engagements.

"We are carefully balancing our role in discussions, with the need to keep the public informed.

"Once there is clearer guidance or confirmed timelines from the government, we will be glad to share a fuller perspective."

In July this year, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said that under the targeted fuel subsidy scheme to be implemented this month, eligible Malaysians would pay RM1.99 per litre for RON95 petrol, compared with the current price of RM2.05.

"Once implemented, the government will reduce the price of RON95 petrol to RM1.99 per litre exclusively for Malaysian citizens, while foreign nationals will have to pay the unsubsidised market price," he said in a special announcement.

Anwar, who is also Finance Minister, said the initiative will benefit around 18 million motorists and motorcyclists.

Meanwhile, the Finance Ministry on Aug 19 said the eligibility criteria and mechanism for the RON95 subsidy rationalisation plan is being fine-tuned.

In a written parliamentary reply, the ministry said the government is committed to implementing it in the second half of 2025.

It said the eligibility criteria is based on multiple data sources, including income data from the Inland Revenue Board and the Household Income Survey from the Statistics Department.

"Additional criteria including properties and luxury cars, will also be considered on top of monthly income, before a final decision is made and announced by the end of September," the ministry said.

# Hiked egg prices crack small traders' profits

By MYSARA FAUZI
newsdesk@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** A month after the removal of egg subsidies, traders here have started feeling the pinch.

Roadside takoyaki seller Wan Fadhilah Tuan Man, 43, said the price of eggs had gone up from around RM9 to RM12.99 per tray since the subsidies were removed on Aug 1.

"I use 15 Grade B eggs on average each day to prepare the mixture for the snack and sometimes it increases depending on my sales.

"Although the recent rise in egg price has made my operating costs higher, I'm maintaining my price.

"I'm getting a smaller profit because other expenses are also piling up such as the price of flour and cooking oil," said the single mum who runs a stall at Bandar Baru Uda.

Wan Fadhilah said she thought about raising her prices but she is also worried she may lose her customers.

"It's tough for me as I depend on my stall for income so I really hope that egg prices can be controlled.

"I also hope the public understands if small traders like us are eventually forced to raise prices," she added.

Kopitiam owner Han Jun Kwang, 36, also hoped egg prices remained stable so he could maintain his prices.

"I run two kopitiam outlets in Permas Jaya and Mount Austin, and our egg usage depends on whether it is a weekday, weekend or public holiday.

"Usually, we use about three trays of eggs," Han said, adding that he is not raising his food prices yet.

"However it may be necessary if things change in the coming months."

Meanwhile, 45-year-old R. Nanthan, who has been operating a catering service since 2007, said eggs are staple items for bulk cooking as he uses about 15 crates of eggs daily for his two outlets.

He said the increase in egg prices has affected his business, especially when handling large orders as customers are more sensitive to price and portion changes.

"We sometimes adjust the recipes to match the customer's budget. For example, using fewer eggs when preparing bulk fried bee hoon or other large dishes."

Nanthan has called for better price monitoring and stabilisation measures, saying subsidies only offered temporary relief.

"Operators and consumers need protection from sudden spikes. Otherwise, it's very difficult for us to plan long-term," he said.



**Feeling the pinch:** Wan Fadhilah preparing her egg-based takoyaki balls at her roadside stall in Bandar Baru Uda, Johor Baru; while (below, from left) Han and Nanthan say the egg price hike poses a problem for their businesses.





Johor Small and Medium Poultry Farmers Association president Lim Ka Cheng said egg prices have increased mainly due to the rising cost of chicken feed.

"Prices have gone up to cover farmers' production costs as they have to pay more for raw materials while still ensuring enough supply for the market.

"Our farmers rely heavily on imported chicken feed ingredients, especially corn and soybean meal, but global supplies have dropped due to the ongoing Russia-Ukraine conflict," he said.

The government discontinued the egg subsidy on Aug 1, after spending around RM2.5bil from February 2022 to support the industry.

Utusan Borneo online

HARI: SELASA

TARIKH: 2/9/2025

M/SURAT: 6

# Bijak dan waspada guna media sosial, kata Rosli




MADANI: Rosli (lima kanan), Fahzean (duduk, tiga kanan) dan Mohd Najib (kanan) merakamkan foto kenangan sempena Program Jiwa MADANI @HKHM Daerah Papar.

**PAPAR:** Semua ahli Komuniti MADANI digesa agar bijak menggunakan media sosial dan sentiasa berwaspada dengan aktiviti penipuan atas talian.

Setiausaha Politik kepada Menteri KPDN, Datuk Rosli Ibrahim berkata, setiap maklumat yang diterima perlulah dikaji kesahihannya terlebih dahulu sama ada merujuk menerusi portal atau bertanya secara terus kepada agensi berkaitan.

"Hari ini isu dan berita-berita palsu disebarkan kepada rakyat, kepada masyarakat dengan pelbagai kaedah untuk mengelirukan, memperdaya mangsa.

"Bila kita tidak peka dengan perkara-perkara ini akan menyebabkan kesan buruk kepada diri sendiri akibat terpengaruh dengan scammer penipuan dan sebagainya.

"Jadi, sama-sama kita ambil iktibar sama-sama kita ambil langkah-langkah keselamatan, berhati-hati sekarang ini sangat mudah untuk orang menipu dengan bermacam-macam taktik," katanya ketika merasmikan Program Jiwa MADANI @ HKHM Daerah Papar di sini, baru-baru ini.

Beliau turut mengingatkan kira-kira 50 ahli komuniti terbabit agar tidak berkongsi ciapan yang tidak sahih di media sosial bagi mengelakkan timbulnya kekeliruan dan kegusaran dalam kalangan masyarakat.

Pada majlis itu, Rosli diiringi Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) Kawang UPPM Kawang, Fahzean Mohiddin dan Pegawai Penerangan Daerah Papar Mohd Najib Juhanis menyampaikan Jalur Gemilang dan Bendera Negeri Sabah kepada Pengerusi-pengerusi Komuniti MADANI Parlimen Papar sempena Sambutan Hari Kebangsaan Hari Sabah.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE
## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 2 SEPTEMBER 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 2-Sep | Sindiket penyimpanan barang kawalan, minyak sawit tanpa lesen tumpas | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1257804/sindiket-penyimpanan-barang-kawalan-minyak-sawit-tanpa-lesen-tumpas | HARIAN METRO |
| 2-Sep | Van bawa 400 liter petrol tanpa permit dirampas | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/van-bawa-400-liter-petrol-tanpa-permit-dirampas | RTM |
| 2-Sep | Giliran Kuching jadi tuan rumah Jelajah Karnival KPDN 2025 | https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/746117 | SINAR HARIAN |
| 2-Sep | KBBM Zon Sarawak buka peluang luas usahawan tempatan | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kbbm-zon-sarawak-buka-peluang-luas-usahawan-tempatan | RTM |
| 2-Sep | Karnival KPDN 2025 & Kempen Beli Barangan Malaysia Zon Sarawak 5-7 Sept | https://ecentral.my/karnival-kpdn-sarawak-kuching-2025/ | ECENTRAL |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT